

Hari 25 | Mimpi dan Penglihatan

Dalam beberapa malam yang akan datang ini, orang-orang Islam sedunia akan meluangkan masa pada waktu malam untuk berdoa. Ramai di antara mereka akan mencari penyelesaian untuk keperluan ataupun masalah mereka pada masa ini.

Malam Kuasa, ataupun “Laylatul-Qadr” dalam bahasa Arab, merupakan suatu malam

yang paling penting dalam kalendar Islam (Ia merupakan malam ke-27 bulan Ramadhan, dan berbeza dari negara-ke negara, bergantung kepada bila bulan Ramadhan dimulakan). Orang-orang Islam percaya bahawa kumpulan-kumpulan malaikat diutus pada Malam Kuasa untuk melakukan perkara-perkara yang tertentu. Ada yang turun ke bumi khusus untuk menyembah Allah, ada yang datang untuk menunaikan permintaan orang-orang Islam yang percaya. Terdapat juga malaikat-malaikat yang dikhususkan untuk

mengisytiharkan tahun baru yang akan datang. Malam ini juga digelar “Malam Ketetapan atau Pengaturan” oleh setengah orang. Malam “berkat” ini kononnya malam yang sama dalam bulan Ramadhan di mana Muhammad mula-mula menerima wahyu Qur’an. Orang-orang Islam sering digalakkan berjaga sepanjang malam ini untuk mendoakan berkat dan pengampunan. Ini merupakan satu ketika setiap tahun di mana orang Islam kurang bersifat qadariah dan lebih yakin bahawa Tuhan akan mendengar dan

Hari 25 | Mimpi dan Penglihatan

melakukan sesuatu bagi pihak mereka.

Gerakan “30 Hari” ini ingin menggalakkan orang-orang Kristian di seluruh dunia untuk berdoa secara khusus bagi orang-orang Islam dalam masa 48 jam ini, agar ramai akan benar-benar menemui Tuhan melalui penglihatan dan mimpi. Berdoalah untuk kejayaan laman web yang menceritakan tentang beberapa orang Muslim yang telah menemui Tuhan dalam cara-cara yang luarbiasa.

(<http://www.morethandreams.org> dalam bahasa Inggeris dan

<http://www.dreamsandvisions.com> dalam bahasa Arab).

Ini suatu kesaksian dari laman web tersebut: Mohammed membesar dalam suku Fulani di Nigeria dan mula menternak lembu semasa dia berumur enam tahun. Semasa dia membesar, Mohammed telah mempelajari tentang Islam dari bapanya. Apabila umurnya lebih kurang 16 tahun, dia telah memasuki sekolah Arab untuk mempelajari Qur'an. Selepas beberapa tahun, dia pulang ke rumahnya.

Pada suatu malam, dia telah mendapat mimpi ngeri, pada malam kedua dan ketiga, dia masih mendapat mimpi ngeri. Kemudian, selama enam malam lagi, Mohammed mengalami mimpi-mimpi yang seakan-akan serupa. Setiap kali, dia mendapati dirinya berada di tempat-tempat yang berlainan, dan tidak kira di mana dia, orang yang sama datang membantunya. Orang itu berpakaian putih. Dalam mimpinya yang ke-sembilan dan terakhir, Mohammed duduk di bawah seponon pokok sambil membaca sebuah buku yang tidak dapat difahaminya. Orang

Hari 25 | Mimpi dan Penglihatan

berpakaian putih yang sama itu (Yesus) duduk di tepinya. Yesus mengambil buku itu dan mengatakan, "Buku ini datang dari Tuhan dan mengandungi pesanannya. Di dalam buku ini, Saya akan menunjukkan kamu ayat-ayat yang dapat membantu kamu." Yesus membaca beberapa ayat kepada Mohammed, termasuklah Yohanes 14:6, yang mengatakan, "The same man in white (Jesus) was sitting beside him. Jesus took the book and said, "This book comes from God and it has his message inside of it. In this book, I will show you verses which will help you." Jesus

read various scriptures to Mohammed, including John 14:6, which says, "Akulah jalan, kebenaran dan hidup."

Keesokan hari, Mohammed menceritakan mimpinya kepada seorang rakannya yang beragama Kristian. Selepas itu Mohammed banyak menderita oleh kerana kepercayaan yang baru ditemuinya itu. Dia ditolak oleh bapanya dan beberapa kali dia dalam keadaan yang amat membahayakan nyawanya oleh kerana penganiayaan yang dialaminya. Maklumat

selanjutnya dapat dilihat pada laman web.

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah agar Tuhan akan mematahkan segala pemikiran bahawa kebenaran dapat dicapai melalui kegiatan agama di kalangan orang-orang islam yang mengambil bahagian dalam Malam Kuasa ini. Berdoalah agar Dia akan menggerakkan mereka terhadap kerendahan hati yang benar (Dan 4:37).

Hari 25 | Mimpi dan Penglihatan

* Berdoalah agar Tuhan akan bekerja pada Malam Kuasa ini, agar orang ramai akan menerima wahyu tentang Yesus, Mesias.

* Berdoalah untuk mereka yang benar-benar mencari bantuan Tuhan pada masa ini. Semoga Dia akan memberikan mereka bantuan yang diperlukan mereka secara mana mereka akan tahu bahawa bantuan ini datangnya melalui Yesus (Mzm 34:18, Zak 9:9).

* Berdoalah bahawa laman-laman web mimpi dan penglihatan (www.morethandreams.org dan www.dreamsandvisions.com) akan dikenali di dunia Muslim. Berdoalah agar banyak pintu akan dibukakan agar orang-orang Islam akan mengalami perkara-perkara seperti ini dan didorong oleh kesaksian-kesaksian di laman web ini.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim